

18 JANUARI 2018

## Buruh ditahan bersama dadah dalam beg galas

### Buruh ditahan bersama dadah dalam beg galas

IPOH - Polis berjaya merampas 17 paket lusinar disyaki berisi dadah jenis heroin selepas menahan seorang lelaki berhampiran kawasan loji pembetungan di Jalan Kledang Raya, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Mohd Ali Tamby berkata, dalam kejadian jam 5.40 petang itu, dadah seberat 25 gram ditemui tersembunyi dalam sebuah beg galas dibawa lelaki tempatan berusia 25

tahun itu.

“Suspek yang beralamat dari Manjoi ini tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau dan dia dipercayai bekerja sebagai buruh.

“Namun ujian air kencing mendapati lelaki terbabit positif dadah jenis morfin,” katanya.

Katanya, siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.